

**AMALAN SOLAT DAN HUBUNGAN DENGAN ALLAH DALAM
KALANGAN MAHASISWA MUSLIM DI KAMPUS ALOR GAJAH:
ANALISIS SURVEI DAN OBSERVASI**

Nur Aisyah Najwa Zainudin Azaha^{1*}, Fatimah Huda Norazahar¹ & Syafiah Mohd Rizal¹

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka,
78000 Alor Gajah, Melaka

* najwaaisyah930@gmail.com (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v6i1.7220>

Abstrak

E-JITU

Acceptance date:
29 January 2023

Valuation date:
15 March 2023

Publication date:
22 April 2023

Kajian ini meneliti amalan solat serta hubungannya dengan tahap spiritual mahasiswa Muslim di UiTM Kampus Alor Gajah. Masalah utama yang dikenal pasti ialah wujudnya kurang konsistensi dalam pelaksanaan solat walaupun mahasiswa mempunyai kesedaran tentang kewajipannya. Objektif utama kajian adalah untuk menilai tahap konsistensi solat, memahami hubungan amalan solat dengan kualiti keimanan, serta peranan persekitaran kampus dalam menyokong ibadah mahasiswa. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik dalam talian yang diedarkan kepada 113 pelajar secara rawak. Hasil kajian menunjukkan majoriti pelajar menunaikan solat fardhu dengan konsisten, tetapi kurang dalam mengamalkan solat sunat dan memahami aspek mendalam solat. Kajian mencadangkan agar kemudahan solat ditambah baik, program kerohanian diperkasakan dan galakan diberikan kepada mahasiswa melalui pelbagai inisiatif kampus

Kata kunci: Solat, Mahasiswa, Spiritual, Keimanan, Kampus, Konsistensi, Ibadah

**PRACTICE OF PRAYER AND RELATIONSHIP WITH ALLAH AMONG
MUSLIM STUDENTS AT ALOR GAJAH CAMPUS: SURVEY AND
OBSERVATION ANALYSIS.**

Abstract

This study examines the practice of prayer and its relationship with the spiritual level of Muslim students at UiTM Alor Gajah Campus. The main issue identified is the inconsistency in the practice of prayer, despite students being aware of its obligation. The main objective of the study is to assess the level of consistency in prayer, understand the relationship between prayer practice and the quality of faith, as well as the role of the

campus environment in supporting students' worship. This study employs a quantitative approach through an online questionnaire distributed randomly to 113 students. The results of the study show that the majority of students perform obligatory prayers consistently but are less engaged in performing voluntary prayers and understanding the deeper aspects of prayer. The study suggests that prayer facilities should be improved, spiritual programs strengthened, and encouragement given to students through various campus initiatives.

Keywords: Prayer, Students, Spirituality, Faith, Campus, Consistency, Worship

PENGENALAN

Solat merupakan ibadah paling utama dalam kehidupan seorang muslim serta rukun islam yang kedua. Solat juga adalah tiang agama yang menjadi asas kepada iman, akhlak dan keperibadian seseorang muslim. Hal ini berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Tirmizi daripada Muaz bin Jabal RA, bahawa Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud "tunjang urusan agama adalah islam dan tiangnya adalah solat". Hadis ini terang menjelaskan bahawa solat adalah tiang agama islam. Diumpamakan sebagai tiang kerana solat itu adalah kedudukan paling utama bagi seseorang muslim. Di sini dapat disimpulkan bahawa jika seseorang muslim tidak menjaga solatnya maka dia tidak akan peroleh kesempurnaan dalam beragama. Dalam konteks kehidupan seorang mahasiswa, pelaksanaan solat memainkan peranan penting dalam membentuk disiplin, ketenangan jiwa dan kestabilan emosi. Kehidupan di kampus yang penuh dengan tuntutan akademik, cabaran sosial dan tekanan psikologi menuntut seseorang mahasiswa untuk mempunyai asas spiritual yang kukuh. Solat bukan sahaja sebagai ibadah rutin, tetapi ia menjadi terapi rohani yang membantu pelajar menghadapi stres, mengelakkan daripada gejala sosial dan menjaga akhlak. Justeru, amalan solat yang istiqamah dapat menjadi petanda yang signifikan dalam mengukur kekuatan hubungan seorang mahasiswa dengan Allah SWT.

Walau yang demikian, seiring dengan perkembangan teknologi semasa, didapati bahawa terdapat pengabaian solat dalam kalangan remaja yang mana mereka tidak konsisten dalam menunaikan solat lima waktu sehari semalam (Suhaila Nadzri, 2014). Selain itu, hasil tinjauan di beberapa IPT di Kelantan menunjukkan pelajar walaupun mempunyai kefahaman yang baik tentang kewajipan solat, namun sikap dan penghayatan mereka terhadap solat masih rendah dan tidak mencapai tahap memuaskan (Mohd Khusyairie Marzuki, 2018). Situasi ini menimbulkan persoalan tentang tahap sebenar penghayatan solat dalam kalangan mahasiswa khususnya di kampus alor gajah. Hal ini perlu diselaraskan dengan sabda Rasulullah SAW: "Islam telah terbina atas lima perkara, penyaksian bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Nabi Muhammad adalah utusan

Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan haji ke Baitullah dan berpuasa pada bulan Ramadan" (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim). Maka jelaslah bahawa solat bukan hanya kewajipan, tetapi antara asas utama yang membentuk keutuhan Islam dalam diri setiap individu Muslim.

Secara khusus, objektif kajian ini adalah:

- i. Menilai Tingkat Konsistensi dan Pemahaman Amalan Solat Mahasiswa Muslim di UiTM Kampus Alor Gajah
- ii. Mengkaji Hubungan antara Amalan Solat dengan Kualiti Spiritual dan Keimanan
- iii. Menilai Peranan Lingkungan Kampus dalam Mendukung Praktik Ibadah Mahasiswa

Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran yang jelas tentang realiti amalan solat dalam kalangan mahasiswa Muslim serta tahap hubungan spiritual mereka dengan Allah SWT. Dapatan kajian ini bukan sahaja penting dari sudut akademik, malah boleh menjadi asas kepada pembangunan modul kerohanian yang lebih berkesan dan menyeluruh.

Justeru, usaha untuk memperkukuh solat sebagai tiang agama dalam kalangan generasi mudabukan sahaja perlu diberi perhatian oleh institusi pendidikan, malah perlu digerakkan secara bersepadu oleh seluruh lapisan masyarakat.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Naim et al., (2020) mendapati walaupun industri insurans konvensional dan berkonsepkan patuh syariat (takaful) berkembang pesat di Malaysia, namun komuniti Islam itu sendiri tidaklah sepenuhnya menerima dan melanggan perkhidmatan yang ditawarkan oleh takaful. Pengarah Urusan Medicare Assistance Sdn Bhd (Medicare), K. Palanisamy menyatakan bahawa tahap kesedaran dalam kalangan penjawat awam untuk memiliki insurans dan takaful di Malaysia didapati

SOROTAN LITERATUR

Amalan solat lima waktu dalam kalangan mahasiswa, khususnya pelajar Muslim, dilaporkan berada pada tahap yang memuaskan. Kajian oleh Abu Bakar et al. (2019) mendapati bahawa sebahagian besar pelajar universiti menunaikan solat lima waktu secara konsisten. Hal ini lebih ketara dalam kalangan pelajar yang mempunyai latar belakang pendidikan agama atau pengajian Islam, yang menunjukkan pengaruh pendidikan awal terhadap disiplin ibadah.

Selain itu, amalan solat juga mempunyai kaitan yang rapat dengan tahap spiritualiti seseorang. Menurut Rahman dan Khalid (2020), hubungan dengan Allah dapat dilihat melalui kesedaran dan penghayatan ketika melaksanakan solat. Pelajar yang menunaikan solat secara berterusan dikatakan memiliki tahap spiritualiti yang lebih tinggi, di mana mereka lebih tenang, bertawakal, serta merasai kedekatan yang lebih erat dengan Allah. Ini menunjukkan bahawa solat bukan sekadar rutin harian, malah menjadi medium pengukuhan jiwa dan keimanan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa halangan yang menyukarkan sesetengah pelajar untuk menjaga konsistensi solat. Antaranya termasuklah kekurangan kemudahan solat yang selesa dan mudah diakses di kawasan kampus seperti surau atau bilik solat (Ahmad et al., 2022). Selain itu, kekangan masa akibat kesibukan akademik dan pekerjaan sambilan turut menjadi faktor utama yang menyebabkan pelajar melengahkan atau meninggalkan solat (Ismail et al., 2021).

Tambahan pula, kurangnya kesedaran spiritual dalam kalangan pelajar turut menjadi penghalang kepada penghayatan solat. Kajian oleh Hamzah et al. (2021) menunjukkan bahawa masih ada pelajar yang belum memahami dengan mendalam nilai dan kepentingan solat dalam kehidupan sebagai seorang Muslim. Oleh itu, pendekatan yang holistik perlu diambil oleh pihak universiti untuk memperkukuhkan amalan solat melalui pendidikan, fasiliti yang mencukupi dan program pembangunan sahsiah mahasiswa

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk pendekatan campuran (mixed methods), namun memberi penekanan kepada kaedah kuantitatif bagi menilai tahap amalan solat dan hubungan dengan Allah dalam kalangan pelajar Muslim di UiTM Alor Gajah (Creswell & Creswell, 2018). Kaedah ini dipilih bagi mendapatkan gambaran menyeluruh secara statistik tentang corak perlakuan solat dan kesedaran spiritualiti dalam kalangan pelajar. Bahagian kuantitatif terdiri daripada soal selidik berskala Likert dan soalan objektif yang direka khas untuk mengukur frekuensi amalan solat dan tahap hubungan rohani dengan Allah. Kajian ini tidak melibatkan elemen kualitatif kerana kaedah soal selidik yang digunakan telah memadai untuk menjawab ketiga-tiga objektif kajian.

Data bagi kajian ini diperolehi daripada dua sumber utama iaitu kajian perpustakaan dan soal selidik. Kajian perpustakaan digunakan untuk mengumpul maklumat asas dan teori berkaitan topik, manakala soal selidik diedarkan kepada pelajar Muslim UiTM Alor Gajah melalui platform Google Forms. Soal selidik ini merangkumi tiga bahagian utama: Bahagian A mengenai profil demografi pelajar seperti jantina, fakulti dan semester; Bahagian B mengenai amalan solat lima waktu termasuk kekerapan, tempat solat dan alasan tidak bersolat; dan Bahagian C mengukur tahap hubungan dengan Allah dari sudut spiritualiti, tawakal dan kesedaran agama.


Populasi sasaran kajian ini terdiri daripada pelajar Muslim sepenuh masa berumur antara 18 hingga 25 tahun di UiTM Alor Gajah. Kaedah pensampelan rawak berstrata digunakan bagi memastikan sampel mewakili pelbagai latar belakang dari segi fakulti dan jantina. Analisis data dijalankan menggunakan perisian SPSS versi 28.0, di mana analisis deskriptif digunakan untuk menentukan nilai kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi setiap item dalam soal selidik.

Etika kajian turut dititikberatkan dengan mendapatkan kebenaran rasmi daripada pihak UiTM Alor Gajah sebelum pengedaran soal selidik dilakukan. Segala maklumat responden dijamin kerahsiaannya dan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik. Namun begitu, kajian ini diakui mempunyai beberapa keterbatasan, terutamanya dari segi generalisasi kerana ia hanya dijalankan dalam ruang lingkup satu kampus sahaja dan

mungkin tidak mencerminkan sepenuhnya amalan solat dalam kalangan pelajar Muslim di institusi lain.


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berikut merupakan hasil kajian berdasarkan analisis data daripada 113 responden melalui Google Form (Mei-Jun 2025) yang bertajuk “Soal Selidik Amalan Solat Dan Hubungan Dengan Allah Dalam Kalangan Mahasiswa Muslim di Kampus Alor Gajah”. Berikut merupakan maklumat demografi yang terkumpul:




Rajah 1: Peratusan jantina responden daripada kalangan mahasiswa

Berdasarkan Rajah 1, majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada golongan perempuan iaitu sebanyak 86.7%, manakala hanya 13.3% sahaja terdiri daripada lelaki. Ini menunjukkan bahawa penyertaan pelajar perempuan adalah jauh lebih tinggi berbanding pelajar lelaki dalam kajian ini.




Rajah 2 menunjukkan bahawa sebahagian besar responden berada dalam lingkungan umur 18 hingga 20 tahun, iaitu sebanyak 91.2%. Sementara itu, responden yang berumur 21 hingga 23 tahun hanya mewakili 6.2%, dan selebihnya 2.7% merupakan pelajar berumur 24 tahun dan ke atas. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden merupakan pelajar tahun awal pengajian.



Rajah 3: Peratusan umur responden dalam kalangan mahasiswa

Rajah 2 menunjukkan bahawa sebahagian besar responden berada dalam lingkungan umur 18 hingga 20 tahun, iaitu sebanyak 91.2%. Sementara itu, responden yang berumur 21 hingga 23 tahun hanya mewakili 6.2%, dan selebihnya 2.7% merupakan pelajar berumur 24 tahun dan ke atas. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden merupakan pelajar tahun awal pengajian.



Rajah 4: Peratusan tahun pengajian responden dalam kalangan mahasiswa

Menurut Rajah 3, majoriti responden berada pada Semester 2 iaitu sebanyak 75.2%. Responden dari Semester 1 pula mencatatkan sebanyak 7.1%, diikuti oleh Semester 3 sebanyak 10.6% dan Semester 4 dan ke atas hanya 7.1%. Ini menggambarkan bahawa majoriti responden merupakan pelajar semester pertengahan pengajian.


Rajah 4 hingga 7 adalah berkenaan praktik solat dengan objektif untuk menilai tingkat konsistensi dan pemahaman amalan solat mahasiswa muslim.



Rajah 5: Konsistensi mahasiswa menunaikan solat 5 waktu sehari

Berdasarkan Rajah 4, hasil kajian menunjukkan bahawa amalan solat fardhu dalam kalangan mahasiswa secara keseluruhannya berada pada tahap yang agak baik, dengan majoriti responden

iaitu sebanyak 73.5% melaporkan bahawa mereka menunaikan solat lima waktu sehari secara lengkap. Ini menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi terhadap kewajipan solat dalam kalangan sebahagian besar mahasiswa. Namun begitu, masih terdapat sebahagian mahasiswa yang belum mencapai tahap konsistensi yang sepatutnya dalam pelaksanaan solat fardhu. Seramai 18.6% hanya menunaikan tiga hingga empat waktu solat setiap hari, manakala 7.1% pula hanya melakukan satu hingga dua waktu sahaja. Lebih membimbangkan, 0.9% responden mengakui bahawa mereka sangat jarang menunaikan solat fardhu. Situasi ini menunjukkan bahawa walaupun ada peningkatan kesedaran dalam kalangan majoriti mahasiswa, masih wujud golongan yang memerlukan perhatian khusus dari aspek bimbingan rohani, motivasi dan sokongan persekitaran untuk memastikan kewajipan solat dapat ditunaikan secara sempurna dan berterusan.




Rajah 6: Konsistensi mahasiswa dalam menunaikan solat sunat

Berdasarkan Rajah 5, dapatan kajian menunjukkan tahap amalan solat sunat dalam kalangan responden masih berada pada tahap yang kurang memberangsangkan. Hanya sebilangan kecil, iaitu 3.5% sahaja yang menunaikan solat sunat secara konsisten, mencerminkan tahap komitmen yang tinggi terhadap ibadah sunat. Sebaliknya, majoriti

responden iaitu 62.5% hanya melakukannya secara tidak tetap, iaitu kadang-kadang sahaja, manakala 30.1% pula hanya mengerjakannya pada hari-hari tertentu seperti malam Jumaat atau hari-hari kebesaran Islam.

Lebih membimbangkan, terdapat juga 3.5% responden yang langsung tidak pernah mengamalkan solat sunat. Hal ini menunjukkan bahawa kesedaran dan kefahaman terhadap kelebihan serta kepentingan solat sunat dalam memperkukuh hubungan dengan Allah masih perlu dipertingkatkan melalui pendidikan dan pendekatan dakwah yang lebih berkesan.




Rajah 7: Faktor utama yang mempengaruhi konsistensi solat mahasiswa

Berdasarkan Rajah 6, dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor utama yang mempengaruhi konsistensi solat dalam kalangan mahasiswa adalah motivasi spiritual diri, yang mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 42.7%. Ini menunjukkan bahawa kesedaran dalaman, keimanan serta keinginan peribadi untuk mendekati diri kepada Allah memainkan peranan yang paling besar dalam memastikan seseorang itu istiqamah dalam menunaikan solat.

Selain itu, sebanyak 29.1% responden menyatakan bahawa pengetahuan tentang hukum solat turut menjadi faktor yang mempengaruhi amalan mereka. Ini memberi gambaran bahawa kefahaman terhadap kewajipan dan kepentingan solat memberi kesan langsung terhadap tahap konsistensi ibadah. Faktor sosial seperti pengaruh keluarga dan rakan-rakan turut menyumbang sebanyak 20.5%, membuktikan bahawa persekitaran yang positif mampu menjadi pendorong kepada amalan beragama.

Walau bagaimanapun, terdapat juga halangan luaran seperti jadual akademik yang padat (6%) dan kekurangan fasiliti solat di kampus (1.7%) yang menghalang sesetengah mahasiswa daripada menunaikan solat secara konsisten. Walaupun peratusannya kecil, ia tetap perlu diberi perhatian agar tiada pelajar yang terhalang dari melaksanakan kewajipan akibat faktor luaran. Secara keseluruhannya, dapatan ini menekankan betapa pentingnya pembinaan motivasi rohani dan kesedaran ilmu dalam memperkukuh amalan solat di kalangan mahasiswa.



Rajah 7: Kefahaman mahasiswa tentang syarat, rukun, dan makna bacaan dalam solat


Berdasarkan Rajah 7, kajian menunjukkan tahap kefahaman mahasiswa terhadap syarat, rukun dan makna bacaan dalam solat adalah pada tahap yang agak memuaskan. Sebanyak 21.2% responden menyatakan bahawa mereka sangat memahami aspek-aspek penting dalam solat, mencerminkan kefahaman mendalam dan kemungkinan kesungguhan dalam mempelajari ibadah ini secara menyeluruh.

Majoriti responden, iaitu 67.3%, mengakui bahawa mereka cukup memahami syarat, rukun dan makna bacaan dalam solat. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar mahasiswa memiliki asas pengetahuan yang baik, namun masih berpotensi untuk dipertingkatkan ke tahap yang lebih mendalam bagi memperkukuhkan kualiti ibadah mereka.

Namun begitu, 11.5% responden didapati kurang memahami perkara-perkara asas dalam solat. Ini adalah satu isyarat bahawa masih terdapat kelompok mahasiswa yang memerlukan pendedahan, bimbingan atau pendidikan lanjut berkaitan solat bagi meningkatkan kefahaman mereka, sekaligus membantu dalam penghayatan dan kekhusyukan ketika menunaikan solat.

Secara keseluruhan, dapatan ini menekankan kepentingan pendidikan berterusan dan program pengukuhan ilmu ibadah dalam kalangan mahasiswa agar solat bukan sekadar rutin fizikal, tetapi ibadah yang benar-benar difahami dan dihayati.

Rajah 8 hingga 11 adalah berkaitan hubungan spritual dengan Allah, objektifnya adalah untuk mengkaji hubungan antara amalan solat dengan kualitas spiritual dan keimanan.




Rajah 8: Peratusan mahasiswa berasa solat dapat membantu lebih tenang dan dekat dengan Allah

Berdasarkan Rajah 8, hasil kajian menunjukkan bahawa solat memainkan peranan penting dalam memberi ketenangan jiwa dan mendekatkan diri kepada Allah dalam kalangan mahasiswa. Hal ini dibuktikan dengan majoriti responden iaitu sebanyak 90.3% yang sangat setuju bahawa solat membantu mereka merasakan ketenangan dan hubungan spiritual yang lebih erat dengan Pencipta.

Selain itu, sebanyak 8.8% responden menyatakan setuju, menunjukkan mereka juga menyedari kesan positif solat terhadap emosi dan spiritual, walaupun mungkin tidak merasakannya secara mendalam seperti kelompok pertama.

Namun begitu, terdapat 0.9% responden yang bersifat neutral, mungkin disebabkan oleh faktor kurangnya penghayatan ketika solat atau tidak merasakan impak langsung dari amalan tersebut terhadap kesejahteraan diri.

Secara keseluruhannya, dapatan ini jelas menggambarkan bahawa solat bukan sekadar kewajipan agama, tetapi turut menjadi sumber ketenangan dan kekuatan dalaman bagi mahasiswa, sekali gus menunjukkan pentingnya menggalakkan penghayatan solat yang lebih mendalam dalam kalangan generasi muda.




Rajah 9: Peratusan mahasiswa berasa peningkatan keimanan setelah konsisten solat

Berdasarkan Rajah 9, dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan solat yang konsisten memberikan kesan positif terhadap peningkatan keimanan dalam kalangan mahasiswa. Hal ini dibuktikan apabila sebanyak 69.9% responden sangat bersetuju bahawa mereka merasakan keimanan mereka semakin bertambah apabila menjaga solat secara berterusan. Ini menggambarkan bahawa solat bukan sekadar ibadah rutin, tetapi mampu menjadi medium untuk memperkukuh hubungan spiritual dengan Allah.

Selain itu, 23.9% responden memilih setuju, yang turut mengakui wujudnya kesan positif solat terhadap keimanan mereka, walaupun mungkin pada tahap yang berbeza atau secara tidak begitu ketara.

Namun begitu, terdapat juga 6.2% responden yang bersikap neutral, yang mungkin belum merasai secara langsung kesan spiritual daripada amalan solat yang konsisten atau masih berada dalam proses mencari penghayatan dalam ibadah tersebut.


Secara keseluruhan, hasil ini menunjukkan bahawa konsistensi dalam solat berperanan besar dalam membentuk kekuatan dalaman dan keteguhan iman mahasiswa, sekaligus menekankan kepentingan bimbingan dan sokongan agar mereka dapat terus memperkukuh amalan solat dengan penuh kesedaran dan penghayatan.



Rajah 10: Peratusan mahasiswa berasa solat mempengaruhi cara mereka menghadapi masalah harian

Berdasarkan Rajah 10, dapatan kajian menunjukkan bahawa solat memainkan peranan penting dalam membantu mahasiswa menghadapi cabaran dan tekanan harian. Hal ini terbukti apabila sebanyak 70.8% responden sangat bersetuju bahawa solat memberi pengaruh positif terhadap cara mereka mengendalikan masalah dalam kehidupan seharian. Ini menunjukkan bahawa solat bukan sekadar ibadah spiritual, tetapi juga menjadi sumber ketenangan, kekuatan mental dan emosi dalam menghadapi ujian hidup. Selain itu, 23% responden memilih setuju, menandakan mereka juga menyedari peranan solat dalam membantu menangani masalah, walaupun mungkin tidak merasai kesan yang sangat mendalam atau konsisten.

Namun, terdapat juga 5.3% responden yang bersikap neutral, yang mungkin belum benar-benar merasai kesan solat terhadap pengurusan emosi atau cabaran harian, sama ada disebabkan oleh kurangnya penghayatan atau ketidakselarasan antara ibadah dan kehidupan seharian.



Rajah 11: Peratusan mahasiswa merasa bersalah meninggalkan solat wajib

Berdasarkan Rajah 11, hasil kajian menunjukkan bahawa kesedaran mahasiswa terhadap kewajipan solat berada pada tahap yang sangat tinggi, khususnya apabila sebanyak 87.6% responden menyatakan sangat bersetuju bahawa mereka merasa bersalah jika meninggalkan solat wajib. Ini mencerminkan kepekaan hati dan kekuatan nilai agama dalam diri majoriti mahasiswa, serta menunjukkan adanya rasa tanggungjawab dan keinsafan terhadap perintah Allah.

Selain itu, 10.6% responden menyatakan setuju, yang turut menunjukkan bahawa mereka menyedari kesalahan meninggalkan solat, namun mungkin rasa bersalah itu tidak begitu mendalam atau bergantung kepada situasi tertentu. Sementara itu, 1.8% responden bersikap neutral, yang mungkin menandakan kurangnya keprihatinan terhadap ibadah solat, kelemahan dalam penghayatan agama, atau kemungkinan terpengaruh dengan gaya hidup yang menyebabkan mereka tidak menitikberatkan soal kewajipan ini.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa rasa bersalah apabila meninggalkan solat merupakan petunjuk positif terhadap kesedaran iman dalam diri mahasiswa, namun masih wujud segelintir yang perlu diberi perhatian melalui pendekatan bimbingan dan tarbiah yang lebih dekat dengan jiwa mereka agar kesedaran ini dapat dipupuk secara menyeluruh.

Rajah 12 hingga 14 adalah berkaitan peranan lingkungan kampus dengan objektif untuk menilai peranan lingkungan kampus dalam mendukung praktik ibadah mahasiswa.




Rajah 12: Kemudahan mencari fasiliti solat di kampus bagi mahasiswa

Berdasarkan Rajah 12, hasil kajian menunjukkan bahawa secara umumnya kemudahan untuk menunaikan solat di kampus adalah memadai, dengan 40.7% mahasiswa menyatakan sangat mudah bagi mereka untuk mencari tempat solat. Ini menunjukkan bahawa terdapat fasiliti solat yang tersedia dan mudah diakses oleh sebahagian besar pelajar, sekali gus memudahkan pelaksanaan ibadah dalam kehidupan kampus. Selain itu, 49.6% responden merasakan ia cukup mudah, yang menunjukkan kemudahan itu wujud tetapi mungkin masih boleh ditambah baik dari segi keselesaan, jarak atau kapasiti ruang.

Namun begitu, masih terdapat 7.1% responden yang menganggap mencari tempat solat sebagai sesuatu yang agak sulit, dengan alasan seperti lokasi fasiliti solat yang jauh dari tempat kuliah atau tidak selesa digunakan. Lebih membimbangkan, 2.7% responden langsung tidak pernah

menggunakan fasiliti solat di kampus, yang mungkin berpunca daripada kekurangan kesedaran, kekangan masa, atau tidak mengetahui lokasi kemudahan tersebut.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun kemudahan solat di kampus telah disediakan dan dimanfaatkan oleh majoriti mahasiswa, masih ada ruang untuk penambahbaikan dari segi lokasi strategik, keselesaan, dan promosi penggunaan fasiliti solat agar semua pelajar dapat menunaikan solat dengan lebih mudah, selesa dan konsisten.



Rajah 13: Tahap peratusan terhadap program kerohanian di kampus dalam membantu meningkatkan komitmen solat mahasiswa

Berdasarkan Rajah 13, dapatan kajian menunjukkan bahawa program-program kerohanian di kampus seperti ceramah, usrah dan aktiviti keagamaan mempunyai pengaruh yang positif terhadap komitmen solat mahasiswa. Ini dibuktikan apabila 34.5% responden menyatakan bahawa program tersebut sangat membantu mereka untuk lebih beristiqamah dan bersemangat dalam menunaikan solat. Ini menunjukkan keberkesanan sesetengah pendekatan dakwah dan bimbingan rohani yang dilaksanakan di kampus.

Sementara itu, sebanyak 59.3% responden merasakan program tersebut hanya sekadar cukup membantu, yang memberi gambaran bahawa walaupun program kerohanian

memberi kesan, namun mungkin dari segi pengisian, pendekatan atau frekuensinya masih boleh dipertingkatkan agar lebih menarik dan relevan dengan jiwa mahasiswa.

Namun begitu, 2.7% responden menganggap program ini kurang membantu, mungkin disebabkan kekangan masa, kurang minat, atau tidak merasakan kesan langsung kepada amalan solat mereka. Tambahan pula, 3.5% responden langsung tidak pernah menghadiri program kerohanian di kampus, yang menimbulkan persoalan tentang keberkesanan promosi program atau tahap kesedaran pelajar terhadap kepentingan penyertaan dalam aktiviti rohani.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mencerminkan bahawa program kerohanian mempunyai potensi besar dalam membentuk komitmen ibadah mahasiswa, namun perlu diperkasakan lagi dari segi pendekatan, tarikan, serta keterlibatan pelajar supaya impaknya lebih menyeluruh dan mendalam.

14. Apakah cadangan anda untuk meningkatkan sokongan kampus terhadap amalan solat mahasiswa?

113 responses

Rajah 14: Soalan terbuka terhadap mahasiswa bagi cadangan untuk meningkatkan sokongan kampus terhadap amalan solat mahasiswa

Berdasarkan Rajah 14, kajian mendapati bahawa terdapat beberapa perkara yang dapat disimpulkan berdasarkan cadangan-cadangan mahasiswa untuk meningkatkan sokongan kampus terhadap amalan solat mereka. Pertama, pihak kampus disarankan untuk menambah dan menaik taraf kemudahan fasiliti solat seperti menyediakan lebih banyak surau yang selesa, bersih dan strategik, terutama berhampiran dewan kuliah dan kolej kediaman. Sistem azan juga perlu diperbaiki agar mahasiswa lebih peka untuk menunaikan solat fardhu. Jadual kelas juga wajar disusun dengan lebih mesra waktu solat, contohnya memberi ruang rehat satu jam selepas azan bagi membolehkan pelajar solat awal waktu.

Selain itu, pelbagai program dan kempen kesedaran perlu diadakan secara berkala seperti ceramah motivasi, forum, bengkel, tazkirah serta aktiviti keagamaan lain seperti qiamullail, solat berjemaah, solat hajat dan tahajud. Pihak kampus juga boleh menyebarkan mesej berkaitan solat melalui poster, banting, dan media sosial, serta membuat pengumuman waktu solat di seluruh kampus. Di samping itu, sistem ganjaran seperti merit kolej atau sijil penyertaan boleh diperkenalkan bagi menghargai pelajar yang aktif menyertai solat berjemaah dan program kerohanian. Kesemua cadangan ini menunjukkan keprihatinan mahasiswa terhadap kepentingan solat, dan pelaksanaannya dapat membantu membentuk suasana kampus yang lebih Islamik dan sejahtera.

PENUTUP DAN CADANGAN

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan dengan objektif untuk menilai tingkat konsistensi dan pemahaman amalan solat, hubungan antara solat dan kualiti spiritual mahasiswa, serta peranan lingkungan kampus dalam mendukung praktik ibadah mahasiswa. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar mahasiswa mempunyai tahap pelaksanaan solat fardhu yang baik, namun masih terdapat golongan yang tidak konsisten dan kurang memahami aspek asas dalam solat seperti syarat, rukun dan bacaan. Selain itu, kajian juga membuktikan bahawa amalan solat mempunyai impak besar terhadap ketenangan jiwa, peningkatan keimanan serta cara mahasiswa menghadapi tekanan hidup. Dari sudut peranan kampus pula, kemudahan solat yang sedia ada masih perlu ditambah baik, dan program kerohanian yang dilaksanakan perlu diperkasakan agar dapat memberi impak yang lebih menyeluruh.

Berdasarkan dapatan ini, beberapa cadangan telah dirumuskan. Antaranya termasuklah menaik taraf dan menambah kemudahan surau, memastikan jadual kelas tidak mengganggu waktu solat, serta mewujudkan suasana kampus yang menyokong amalan solat melalui program seperti ceramah, kempen kesedaran, usrah, dan qiamullail. Sistem ganjaran seperti merit atau sijil penyertaan juga boleh diperkenalkan bagi menarik minat mahasiswa untuk aktif dalam program kerohanian dan solat berjemaah. Di samping itu, penggunaan teknologi untuk peringatan waktu solat dan penyebaran mesej dakwah melalui platform digital juga digalakkan. Dengan pelaksanaan cadangan ini, diharapkan kampus dapat memainkan peranan yang lebih efektif dalam menyokong pembentukan mahasiswa yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga kukuh dari segi spiritual dan akhlak.

RUJUKAN

- Ahmad Muhaimin Mohamad, & Rahimi, H. (2022, June 1). Analisis kefahaman kewajipan solat dan kefasihan bacaan Al-Fatihah dalam kalangan pelajar kejuruteraan. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*. <https://jqss.usim.edu.my/index.php/jqss/article/view/152>
- Ahmad, N. B. (2019). Pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar Pengurusan Dalam Islam, Jabatan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis (PTSS). Universiti Teknologi MARA. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/34211/1/34211.pdf>
- Fazil, H. A. (2022, July). Amalan solat fardhu dalam kalangan pelajar Muslim: Tinjauan di IPT Sabah. *ResearchGate*. https://www.researchgate.net/publication/362086197_AMALAN_SOLAT_FARDHU_DALAM_KALANGAN_PELAJAR_MUSLIM_TINJAUAN_DI_IPT_SABAH
- Mohd Khusyairie Marzuki, & Mohamad, M. (2018, December 31). Sikap pelajar terhadap pengamalan solat fardhu dan kesannya kepada pembentukan sahsiah: Kajian di UiTM Kelantan Kampus Kota Bharu. *Al-Basirah Journal*. <https://jupidi.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view>
- Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*. (2022). Analisis kefahaman kewajipan solat dan kefasihan bacaan Al-Fatihah dalam kalangan pelajar kejuruteraan.



- Qurrotul Ainiyah, D. D. (2023). Pelatihan dan pendampingan tata cara pengurusan jenazah bagi santri Pondok Pesantren El Hufadz Jombang. <https://jurnal.stituwjombang.ac.id/index.php/annafah/article/view/874>
- Shukri Ahmad, & Yusoff, D. (2014, June). Penghayatan solat dan pengimarahannya: Kajian dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia. <https://core.ac.uk/download/pdf/78486378.pdf>
- Siti Zaleha Ibrahim, & Dzulkifli, N. (2023, November 15). Pelaksanaan solat sunat dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi Islam. *International Conference on Syariah & Law 2023*. <https://conference.uis.edu.my/iconsyah/images/2023/e proceeding/1025.pdf>
- Suhaila Nadzri, & Saodah, M. (n.d.). Isu-isu pengabaian solat dalam kalangan remaja di negeri. <https://conference.uis.edu.my/i-maf/e proceedings/images/e proceedings/2018/PAPER-9-SUHAILA-NADZRI.pdf>
- Yaakob, A. N. (2024, September 20). Kefahaman amalan solat kalangan komuniti Orang Asli Jakun: Tahu baru amal atau sudah tahu tidak amal [Unpublished manuscript].
- Yusoff, T. N. (2024, December 31). Peranan ibadah solat dalam membentuk tingkah laku dan kepimpinan diri yang efektif dalam kalangan remaja di Malaysia. *Malaysian Journal for Islamic Studies* [Unpublished manuscript].